



**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 1/1975**

**Peringatan Gadaian Di Dalam Daftar Hakmilik bagi Tanah yang
Dikenakan Bayaran Cukai Pusaka (Disemak 2009)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 1/1975
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 1/1975

**Peringatan Gadaian Di Dalam Daftar Hakmilik bagi Tanah yang Dikenakan
Bayaran Cukai Pusaka (Disemak 2009)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihat Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pentadbir-pentadbir Tanah tentang cara-cara yang perlu diikuti apabila satu peringatan gadaian hendak dimasukkan dalam daftar hakmilik bagi tanah yang dikenakan bayaran cukai pusaka.

2. Di bawah seksyen 25(ii) Enakmen Cukai Pusaka 1941 (Estate Duty Enactment 1941) Pemungut Cukai Pusaka boleh menyerahkan satu Sijil kepada Pihak Pendaftar yang berkenaan (Pendaftar Hakmilik ataupun Pentadbir Tanah) untuk memasukkan satu peringatan gadaian dalam mana-mana daftar hakmilik bagi tanah yang dikenakan cukai pusaka. Menurut seksyen 25(i) Enakmen yang sama, tanah yang berkenaan adalah dikatakan sebagai harga yang pindah kepada wasi (*executor*) si mati ataupun harta di bawah kelolaan termasuk wasi yang tersebut. Menurut seksyen 25(ii) dan 5(iii) Enakmen yang sama, tanah yang tersebut adalah termasuk tanah yang tidak berdaftar dalam nama si mati pada tarikh itu dalam tempoh lima tahun sebelum kematian.

3. Gadaian bagi cukai pusaka yang dikenakan adalah berlainan daripada Gadaian yang dibekalkan oleh seksyen 241 Kanun Tanah Negara dan peringatan bagi gadaian ini adalah dimasukkan menurut kehendak undang-undang dengan tujuan menentukan kutipan cukai pusaka. Tauladan (*precedent*) telah wujud mengenai peruntukan undang-undang supaya dibuat catatan atau peringatan dalam sesuatu daftar hakmilik misalnya, Pendaftar atau Pentadbir Tanah dikehendaki mencatatkan nota di dalam daftar hakmilik di bawah perenggan 9(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 setelah satu salinan sijil Borang D diserahkan kepadanya dan mencatatkan satu ‘memorial’ menurut seksyen 23 Akta yang sama setelah diserahkan notis Borang K bahawa pengambilan tanah telah selesai.

4. Adalah perlu supaya diadakan satu Borang Sijil yang sama rupa bentuknya untuk digunakan oleh Pemungut Cukai Pusaka itu dan, bagi tujuan ini, adalah dicadangkan iaitu Sijil tersebut menggunakan borang seperti di **Lampiran ‘A’**.

5. Seksyen 25(ii) Enakmen Cukai Pusaka 1941 memberi kuasa kepada Pemungut Cukai Pusaka untuk menarik balik gadaian dengan menyerahkan satu sijil menyatakan cukai pusaka sudah dijelaskan. Bagi maksud ini, adalah dicadangkan iaitu satu Sijil melepaskan gadaian hendaklah menggunakan borang di **Lampiran ‘B’**.

6. Pendaftar-pendaftar dan Pentadbir-pentadbir Tanah adalah diingatkan bahawa suratcara atau dokumen yang boleh diserahkan bagi tujuan memasukkan peringatan atau catatan di dalam daftar hakmilik dan di dalam suratan hakmilik keluaran ialah salah satu daripada kumpulan dokumen-dokumen yang berikut:

- (i) Surat-suratcara Urusan sepertimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 292 Kanun Tanah Negara;
- (ii) Dokumen-dokumen yang disebutkan dalam seksyen 97(2), 128(2), 129(2), 130(2), 137(2), 142(2), 148(20, 153(7), 197(3), 198(4)(b), 200(2), 201(4)(c), 312(1), 324(2), 330(4), 333(4), 335(2), 416(3)(a), 416(3)(b), 420(2) Kanun Tanah Negara;
- (iii) Perintah-perintah Mahkamah, Sijil-sijil atau lain-lain dokumen yang diserahkan oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi, Pemungut Cukai Pusaka, Pentadbir Tanah atau

lain-lain Pegawai Kerajaan yang diberikan kuasa untuk berbuat demikian oleh mana-mana undang-undang.

7. Memandangkan bahawa kedudukan Sijil Pemungut Cukai Pusaka dari segi undang-undang adalah termasuk di bawah kumpulan (iii) di perenggan 6 di atas maka cukai setem tidaklah patut dikutip, dan adalah diharapkan bahawa bayaran pendaftaran dikecualikan menurut Kaedah-Kaedah Tanah Negeri.
8. Pendaftar-pendaftar dan Pentadbir-pentadbir Tanah adalah dinasihatkan supaya menentukan bersama-sama dengan Jabatan Pungutan Cukai Pusaka tentang kegunaan Borang-borang di **Lampiran 'A'** dan **'B'**.
9. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 15/1970 mengenai perkara yang sama adalah dibatalkan.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

LAMPIRAN 'A'

Perakuan mengenai Duti Harta Pusaka yang kena dibayar dan Dipertanggungjawabkan ke atas tanah.

(Seksyen 25(ii) Enakmen Duti Harta Pusaka 1941)

BAGI KEGUNAAN PEJABAT PENDAFTAR	
Ingatan pendaftar yang dibuat dalam Dokumen/Dokumen-dokumen Hakmilik daftaran yang dijadualkan di bawah ini dari pukul pada haribulan 20..... T.M. Pendaftar/Pemungut Negeri/Daerah	Fail— Jilid..... Folio..... Perserahan No.

Saya Pemungut Duti Harta Pusaka, Negeri-negeri Tanah Melayu menurut seksyen 25(ii) Enakmen Duti Harta Pusaka No. 7/41 dengan ini memperakui bahawa duti harta pusaka berkenaan dengan harta si mati.....

..... berjumlah sebanyak \$ (Ringgit.....) bersama dengan bunga atas kadar enam/dua belas peratus satu tahun dari hingga tarikh dibayar, adalah dipertanggungkan ke atas tanah/tanah-tanah yang perihalkan dalam jadual di bawah ini:

Saya dengan ini meminta supaya suatu ingatan gadaian dibuat dalam dokumen/dokumen hakmilik Daftaran bagi tanah/tanah-tanah tersebut.

T.M.

.....
Pemungut Duti Harta Pusaka
Negeri-negeri Tanah Melayu

Bertarikh di Kuala Lumpur pada hari bulan 20.....

JADUAL TANAH *DAN KEPENTINGAN					
Bandar/ Pekan Mukim	No. Lot/ Petak/ P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan-kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)

Perakuan mengenai Duti Harta Pusaka yang kena dibayar dan dipertanggungjawabkan ke atas tanah.

(Seksyen 25(iii) Enakmen Duti Harta Pusaka 1941)

BAGI KEGUNAAN PEJABAT PENDAFTAR	
Ingatan pendaftar yang dibuat dalam Dokumen/Dokumen-dokumen Hakmilik daftaran yang dijadualkan di bawah ini dari pukul pada haribulan 20.....	Fail— Jilid Folio Perserahan No.
T.M.	
Pendaftar/Pemungut Negeri/Daerah	

Saya.....Pemungut Duti Harta Pusaka, Negeri-negeri Tanah Melayu menurut seksyen 25(ii) Enakmen Duti Harta Pusaka No. 7/41 dengan ini memperakui bahawa tanah/tanah-tanah yang perihalkan dalam Jadual di bawah ini telah tidak lagi dipertanggungkan membayar Duti Harta Pusaka yang mana telahpun dibayar dan bahawa pertanggungan itu telahpun ditunaikan. Oleh yang demikian saya dengan ini meminta supaya suatu ingatan pelepasan dibuat berkenaan dengan tanah/tanah-tanah yang tersebut.

Pemungut Duti Harta Pusaka Negeri-negeri Tanah Melayu

Bertarikh di Kuala Lumpur pada haribulan 20.....

JADUAL TANAH *DAN KEPENTINGAN					
Bandar/ Pekan Mukim	No. Lot/ Petak/ P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	No. Berdaftar Pajakan- pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)	Nota Pelepasan (jika berkenaan)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)